

# Sasar jual 1,000 kampil beras

PPNS lebar sayap perniagaan, pasar beras berkualiti dengan harga jauh lebih murah

**KUALA LANGAT** - Pertubuhan Peladang Negeri Selangor (PPNS) menyasarkan 1,000 kampil beras import dan tempatan dijual dalam tempoh sebulan di 14 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di negeri ini.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Tan Sri Datuk Zainal Dahalan berkata, kesemua pusat pengumpulan di negeri ini digunakan bagi tujuan penjualan itu supaya pelanggan dapat membuat pilihan dengan membeli produk tempatan dengan harga lebih murah.

Menurutnya, PPNS telah mengorak langkah dengan melebarkan sayap perniagaan ke bidang pemasaran beras dalam menyahut dasar LPP mengeluarkan makanan yang cukup, halal dan selamat.

"Kita mahu yakinkan masyarakat bahawa kita keluarkan produk makanan dengan harga lebih berpatutan dan pelanggan pun mampu beli.

"Sebab itu bagi tahun ini,

PPNS lebih fokus kepada skop perniagaan yang berorientasikan pengeluaran makanan," katanya sempena Majlis Perasmian Pelancaran Beras PPNS di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) PPK Kuala Langat Batu 10, Kebun Baru, Telok Panglima Garang, semalam.

Zainal berkata, antara beras yang bakal dipasarkan ialah beras super spesial tempatan (5%) dan beras super spesial import (5%).

"Kami tawarkan PPNS Super Spesial Tempatan (5%) dengan harga di pasaran RM24.50 sekampil untuk 10 kilogram dan beras Mayang Super Spesial Import (5%) dengan harga RM29.70 bersamaan 10 kilogram dan RM19.90 untuk lima kilogram," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPNS, Abdul Razak Khasbollah berkata, beliau berharap semua PPK yang bakal melakukan penjualan dapat



Zainal ketika merasmikan Pelancaran Baja PPNS sambil diperhatikan Abdul Razak (dua, kanan) dan Pengarah Urusan Era D'Mansion Sdn Bhd, Zainab Sidek (dua, kiri).

menghebahkannya kepada masyarakat tempatan mengenai harga jualan beras berkenaan.

"Kita nak rakyat dapat manfaat daripada harga jualan ditawarkan.

"Saya yakin jika beras PPNS dapat sambutan menggalakkan ia mungkin boleh ditambah ikut permintaan di setiap PPK di Selangor," katanya.

Dalam pada itu, LPP juga

giat menggalakkan pelajar sekolah menengah aktif dalam aktiviti Kelab Tani.

Sehingga kini, sebanyak 20 sekolah sudah mengaktifkan projek Kelab Tani di mana mereka menjalankan aktiviti

bercucuk tanam.

Dalam masa terdekat pula, pihaknya menjangkakan 20 ke 40 sekolah lagi dipilih secara berperingkat untuk program itu.

Dalam pada itu, Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berharap, masyarakat dapat menghebahkan usaha PPNS memperkenalkan beras dengan harga jauh lebih murah.

"Saya mahu masyarakat tular perkara yang baik kepada rakyat, bukan sukasuka hebahkan benda negatif atau yang belum tentu kesahihannya

"Sudah tiba masanya penjualan beras murah ini dirasai penduduk terutamanya mereka yang kurang berkemampuan.

"Kita buktikan beras kita bukan saja berkualiti tetapi murah pula, semua rakyat dapat rasa manfaatnya," katanya.